

9 Mei 2022

Untuk Hebahan Segera



KENYATAAN MEDIA

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Islamic Relief Malaysia Sasar Ibadah Korban di 31 Buah Negara

BANGI – Islamic Relief Malaysia meneruskan lagi misi kemanusiaannya untuk membantu golongan rentan dengan melancarkan kempen Rezeki Qurban yang turut berperanan memudahkan serta membuka peluang kepada masyarakat untuk melaksanakan ibadah korban di 31 buah negara merentasi benua termasuk Malaysia.

Kempen berslogan #zahirkankesyukuran ini menyasarkan 1,134 penyertaan bahagian korban dengan nilai sasaran kutipan dana sebanyak RM660,000.

Objektif program bermusim yang turut dijalankan Islamic Relief secara global ini adalah untuk memberi peluang kepada umat Islam yang berkemampuan melaksanakan ibadah korban, serta menjadi serampang dua mata dalam membantu golongan rentan menerusi agihan sumbangan daging korban.

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata Islamic Relief telah menjalankan program ibadah korban selama lebih 30 tahun. Berbekalkan pengalaman lebih 3 dekad ini, Islamic Relief sentiasa menjanjikan tawaran perkhidmatan yang terbaik serta ketelusan dalam menyampaikan amanah yang digalas.

“Inisiatif kempen Rezeki Qurban yang dijalankan Islamic Relief Malaysia diharapkan dapat menjadi jawapan kepada doa-doa penerima manfaat yang sering mengalami masalah kekurangan bekalan makanan, juga kesukaran untuk mendapatkan akses makanan berprotein hingga menjejaskan kesihatan mereka.

“Disebabkan itu, setiap tahun mereka akan menanti-nanti ketibaan perayaan Aidiladha dan berharap adanya kakitangan Islamic Relief hadir mengetuk pintu untuk menyumbangkan daging segar buat mereka.

“Realiti ini banyak berlaku di negara seperti Yaman, Syria, Somalia, Ethiopia, Palestin dan negara-negara lain yang sedang dilanda konflik kemanusiaan berpanjangan. Ada di antara penerima manfaat daging korban yang kita edarkan di luar negara hanya berpeluang menikmati juadah daging sekali dalam setahun, itu pun sekiranya mereka terpilih sebagai salah seorang penerima manfaat. Selain itu, ada juga yang meluahkan bahawa mereka baru pertama kali merasai nikmat makan daging apabila menerima sumbangan daging korban daripada Islamic Relief,” kata Zairulshahfuddin.

Dalam usaha memastikan penerima yang benar-benar layak mendapat perhatian sewajarnya, proses penilaian dan pemilihan penerima manfaat daging korban yang dilakukan Islamic Relief adalah berpandukan 19 kriteria di antaranya adalah isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal, orang tua dan OKU, ketua keluarga yang bergantung harap dengan pendapatan gaji harian, isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan, penduduk yang terjejas dengan bencana seperti banjir, COVID-19, dan ancaman musim sejuk, wanita mengandung dan menyusu, warga emas, anak yatim, komuniti atau etnik yang terpinggir, pelarian dalam negara (IDP), dan lain-lain.

“Asas pemilihan negara-negara bagi pelaksanaan korban yang ditawarkan Islamic Relief antaranya meliputi aspek ekonomi sesebuah negara, di mana penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan, negara yang berdepan krisis dan konflik kemanusiaan berpanjangan serta penduduk di negara yang berdepan masalah kekurangan zat makanan atau malnutrisi,” tambah Zairulshahfuddin.

Setiap keluarga terpilih akan menerima kira-kira antara 2 kilogram hingga 4 kilogram daging korban yang dijangka boleh bertahan bagi tempoh satu minggu.

Bagi proses pemilihan haiwan ternakan untuk disembelih, Islamic Relief amat menitikberatkan kriteria haiwan sembelihan agar menepati syariat Islam yang ditetapkan seperti melebihi umur minimum bagi haiwan sembelihan serta bebas daripada sebarang kecacatan.

Jenis haiwan sembelihan korban pula, adalah berbeza mengikut negara terlibat antaranya lembu, kerbau, kambing dan biri-biri.

Orang ramai yang ingin melaksanakan ibadah korban bersama Islamic Relief Malaysia boleh terus ke laman sesawang www.islamic-relief.org.my untuk membuat pendaftaran. Harga bagi setiap penyertaan bahagian korban berbeza mengikut negara dan bermula dari RM350 sehingga RM1,800.

Rezeki Qurban

Tahun lalu, secara keseluruhan, Islamic Relief telah menyantuni lebih 3.4 juta penerima manfaat di 31 buah negara menerusi 207,545 penyertaan bahagian korban, manakala bagi Islamic Relief Malaysia pula, seramai lebih 22,000 penerima manfaat berjaya disantuni menerusi kempen Rezeki Qurban yang telah dilancarkan.

Semoga tahun ini, Islamic Relief dapat mengulang semula kejayaan dalam mencapai sasaran penyertaan korban yang ditetapkan, agar kita sama-sama dapat membantu serta menyantuni sebanyak mungkin komuniti rentan menerusi sumbangan agihan daging korban.

Pakej Rezeki Qurban #zahirkankesyukuran adalah seperti berikut:

Kumpulan	Harga	Negara
A	RM 350	Mali, Malawi, Niger
B	RM 500	Bangladesh, Ethiopia, Kenya, Nepal, Somalia, Sri Lanka, Sudan
C	RM 650	Afghanistan, Chechnya, Pakistan, Sudan Selatan
D	RM 900	Kosova, Myanmar, Filipina, Afrika Selatan, Yaman
E	RM1,200	Albania, Bosnia, Indonesia, Macedonia, Syria, Malaysia
F	RM1,800	Iraq, Jordan, Lubnan, Palestin (Gaza), Tunisia, Turki
Sedekah Qurban	RM10	Sumbangan untuk kos operasi dan pelaksanaan korban

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, makanan, kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti serta air, sanitasi dan kebersihan.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi www.islamic-relief.org.my atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui beberapa kaedah berikut:

1) Melalui akaun Islamic Relief Malaysia

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704
MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166
CIMB ISLAMIC | 860 2073818
BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3
AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4
BANK RAKYAT | 11080 10000 35

2) Sumbangan Tunai atau Kad Kredit di Charity Shoppe

3) Platform Atas Talian:

Laman Web Islamic Relief Malaysia | LaunchGood | Give.Asia | Kitafund | Lazada | Shopee | GrabPay | TounchNGo eWallet | SnapNPay

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my atau
WhatsApp: [+6019-630 9788](https://wa.me/60196309788)